KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELAKSANAAN SECARA BERFASA PERATURAN PENJUALAN TIKET BAS EKSPRES DI TERMINAL BERLESEN DAN PLATFORM PENGENDALI

KUALA LUMPUR, 5 NOVEMBER 2026 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dengan ini memaklumkan **bahawa pelaksanaan peraturan yang mewajibkan semua penjualan tiket bas ekspres diselaraskan melalui terminal bas yang dilesenkan oleh APAD serta platform jualan dalam talian pengendali bas ekspres berdaftar akan dilaksanakan secara berfasa**, **susulan tarikh kuat kuasa asal pada 1 November 2026.**

Tarikh 1 November 2026 ditetapkan sebagai tarikh permulaan pelaksanaan secara berfasa bagi membolehkan **proses peralihan dilaksanakan secara terancang, mengambil kira tahap kesiapsiagaan teknikal dan operasi semua pihak serta keperluan penyelarasan antara terminal bas**, pengendali bas ekspres dan platform penjualan tiket dalam talian sebelum pelaksanaan penuh dilaksanakan.

Pendekatan **pelaksanaan secara berfasa atau *soft landing* ini bertujuan memberikan tempoh peralihan yang munasabah** kepada pihak pengurusan terminal bas berlesen dan pengendali bas ekspres untuk membuat persediaan teknikal, termasuk penyesuaian sistem tiket, integrasi platform digital serta penyelarasan proses operasi bagi memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan lancar tanpa menjejaskan kelangsungan perkhidmatan kepada pengguna.

Pendekatan ini bertujuan memberi ruang secukupnya kepada pihak industri untuk menstabilkan sistem operasi masing-masing **serta memastikan proses peralihan dapat dilaksanakan secara teratur agar tidak** menjejaskan perkhidmatan kepada orang ramai.

MOT bersama APAD sentiasa memantau rapat perkembangan teknikal berkenaan serta tahap kesiapsiagaan pihak industri bagi memastikan pelaksanaan peraturan tersebut dapat dilaksanakan secara berfasa mengikut kesesuaian dan keperluan operasi. Ketetapan lanjut berhubung **fasa pelaksanaan serta tarikh berkaitan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.**

Sehubungan itu, para pengguna dan orang **awam masih boleh membuat pembelian serta tempahan tiket bas ekspres menggunakan platform atau kaedah sedia ada** bagi urusan perjalanan masing-masing sepanjang tempoh peralihan, tertakluk kepada pemakluman lanjut oleh APAD.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Bagi pembelian tiket yang telah dibuat secara dalam talian, **pengguna hendaklah mendapatkan pengesahan dan membuat penyelarasan berkaitan perjalanan melalui pihak terminal bas berlesen atau saluran/platform** pembelian tiket berkenaan, tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan.

MOT bersama APAD kekal komited dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam darat sentiasa efisien, telus dan selamat di samping memastikan hak serta kebajikan pengguna sentiasa terpelihara.

##TAMAT##

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
5 NOVEMBER 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat
Tel +603 2602 5060 (Talian Umum)
+603 2603 6690 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

Imbas kod OR untuk mengetahui perkembangan semasa kami :